

PSA anjur Hari Keluarga, erat silaturahim pelajar pascasiswazah UMS

NST 17.12.2017 8

KOTA KINABALU: Persatuan Pelajar Pascasiswazah (PSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Hari Keluarga bagi sesi takwim 2017/2018.

Acara tahunan itu diadakan bagi tujuan mengeratkan silaturahim pelajar pascasiswazah dari pelbagai fakulti, pusat dan institut pengajian dalam kampus itu untuk berkenalan dan bergaul mesra di samping

menghilangkan tekanan belajar.


Seramai 56 peserta dari pelbagai fakulti, pusat dan institut pengajian dalam kampus UMS menyertai Hari Keluarga yang diadakan di ODEC, UMS itu.

Pengisian program yang diadakan bermula awal pagi itu antaranya adalah sukan air, acara sukaneka, teka-teki dan berkelah.

Pengarah program, Diana Hassan

memberitahu bahawa acara itu adalah acara penutup dalam takwim PSA yang sememangnya wajib diadakan.

“Hari Keluarga adalah acara penutup bagi persatuan kami yang pasti akan kami adakan setiap kali sesi pengajian berlangsung,” jelasnya kepada New Sabah Times kementerian. - **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**



ANTARA pengisian yang diadakan dalam Hari Keluarga anjuran PSA, UMS, sesi memanaskan badan sebelum memulakan sukaneka.